



Tarikh : 20 Januari 2014/18 Rabiulawal 1435H

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab
Kampus Induk
Kampus Kesihatan
Kampus Kejuruteraan

Universiti Sains Malaysia
11800 USM Pulau Pinang
T: 04-653 3131 / 04-653 3299
F: 04-659 0927 / 04-657 3276
E: bursar@usm.my
L: www.usm.my

Y.Bhg. Dato'/Datin/ Tuan/Puan,

**PEKELILING BENDAHARI BIL.1 TAHUN 2014
GARIS PANDUAN PERBELANJAAN SECARA BERHEMAT BAGI MENGURANGKAN PERBELANJAAN
DI UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

Selaras dengan pengumuman YAB Perdana Menteri pada 30 Disember 2013 berkaitan mengurangkan perbelanjaan awam, satu garis panduan telah dikeluarkan kepada semua Agensi yang menerima peruntukan Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan 11 langkah penjimatan oleh Kementerian Kewangan Malaysia melalui **Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 2014 – Garis Panduan Perbelanjaan Secara Berhemat Bagi Mengurangkan Perbelanjaan Awam**. Pihak Universiti Sains Malaysia telah bersetuju untuk menerimaguna Pekeliling ini dengan beberapa ubahsuaian selaras dengan keperluan Universiti.

Sehubungan itu, bersama ini disertakan Pekeliling Bendahari Bil 1 Tahun 2014 – **Garis Panduan Perbelanjaan Secara Berhemat Bagi Mengurangkan Perbelanjaan Universiti Sains Malaysia**. Semoga dengan garis panduan yang disediakan ini, diharapkan semua warga kampus boleh bersama-sama membantu Universiti merealisasikan agenda perbelanjaan secara berhemat ini.

Sekian, terima kasih.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Memastikan Kelestarian Hari Esok

ROHAYATI MD ISA
Pemangku Bendahari

s. k. : Naib Canselor

Timbalan-Timbalan Naib Canselor

Timbalan Bendahari
Kampus Kesihatan

Ketua Penolong Bendahari
Kampus Kejuruteraan



**PEJABAT BENDAHARI
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
PEKELILING BENDAHARI BIL. 1 TAHUN 2014**

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab,

**GARIS PANDUAN PERBELANJAAN SECARA BERHEMAT BAGI MENGURANGKAN
PERBELANJAAN DI UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

TUJUAN

Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan tentang pemakaian garis panduan untuk melaksanakan langkah-langkah penjimatan di Universiti Sains Malaysia untuk mengurangkan perbelanjaan awam bagi semua peruntukan yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan.

LATAR BELAKANG

2. Selaras dengan pengumuman YAB Perdana Menteri pada 30 Disember 2013 berkaitan mengurangkan perbelanjaan awam, satu garis panduan telah dikeluarkan kepada semua Agensi yang menerima peruntukan Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan 11 langkah penjimatan oleh Kementerian Kewangan Malaysia melalui **Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 2014 – Garis Panduan Perbelanjaan Secara Berhemat Bagi Mengurangkan Perbelanjaan Awam**. Pihak Universiti Sains Malaysia telah bersetuju untuk menerimaguna Pekeliling ini dengan beberapa ubahsuaian selaras dengan keperluan Universiti.

LANGKAH-LANGKAH PENJIMATAN

3.1. Kelayakan/kemudahan staf

3.1.1. Elaun Keraian/Imbuhan Tetap Keraian

Imbuhan Tetap Keraian bagi pegawai kanan Kerajaan dikurangkan di antara 5 hingga 10 peratus seperti jadual berikut :

Kategori / Gred	Kadar Pengurangan (%)
Turus III dan keatas	10
JUSA / Khas A	8
JUSA / Khas B	6
JUSA / Khas C	5

Universiti Sains Malaysia menerimaguna keseluruhan ketetapan baru ini.

3.1.2. Kemudahan Bayaran Tol

Kemudahan bayaran tol yang diberikan kepada pegawai kanan Kerajaan adalah dikurangkan seperti berikut :

Kategori / Gred	Kadar Pengurangan (RM)
Turus III dan ke atas	100.00
JUSA / Khas C hingga A	50.00

Kemudahan ini tidak diterimaguna oleh Universiti Sains Malaysia kerana pemberian kemudahan ini hanya terhad kepada pegawai Pengurusan Tertinggi Gred Utama / Khas C dan ke atas atau yang setaraf di Kementerian / Jabatan Persekutuan sahaja.

3.1.3 Kelayakan Tiket Penerbangan dan Perjalanan ke Luar Negara

Kelayakan kelas tempat duduk penerbangan untuk perjalanan domestik adalah dipinda seperti berikut :

Kategori / Gred	Kelas
JUSA / Khas B dan ke atas	Perniagaan
JUSA / Khas C dan ke bawah	Ekonomi

Universiti Sains Malaysia menerimaguna ketetapan baru ini selaras dengan langkah-langkah penjimatan perbelanjaan awam.

Kelayakan kelas tempat duduk penerbangan untuk perjalanan antarabangsa adalah dipinda seperti berikut :

Kategori / Gred	Kelas
Naib Canselor/Timbangan Naib Canselor/Pendaftar/Bendahari/Pengarah Kampus/ Pengarah Hospital USM	Perniagaan
Lain-lain	Ekonomi

Berhubung perkara ini, bagi mengurangkan perbelanjaan untuk penerbangan, pihak Universiti memutuskan:

- Boleh mengikut kelayakan seperti yang nyatakan diatas tetapi adalah juga digalakkan untuk menggunakan kelas ekonomi bagi semua jenis penerbangan;
- Boleh menggunakan perkhidmatan penerbangan yang lebih menjimatkan untuk perjalanan domestik dengan kelulusan Ketua Jabatan; dan
- Boleh menggunakan penerbangan selain syarikat penerbangan negara yang diluluskan oleh Kerajaan untuk perjalanan antarabangsa dengan kelulusan Naib Canselor.

3.2 UTILITI

Usaha pengurangan penggunaan utiliti (elektrik, air, alat perhubungan) hendaklah dilaksanakan melalui penyediaan dan penguatkuasaan peraturan dalam Pusat Tanggungjawab. Amalan penjimatan hendaklah sentiasa dilaksanakan bagi mengurangkan perbelanjaan utiliti.

Universiti Sains Malaysia menerimaguna keseluruhan ketetapan baru ini.

3.3 RUANG PEJABAT

3.3.1 Pengubahsuaian Ruang Pejabat

Semua permohonan baharu bagi pengubahsuaian ruang pejabat dibekukan. Walaubagaimanapun, bagi projek yang mendesak, berkeutamaan tinggi demi operasi dan pembangunan Universiti dan ubahsuaian kecil yang tidak dapat dielakkan, akan diteruskan dan boleh dikemukakan untuk pertimbangan pihak pengurusan Universiti.

Universiti Sains Malaysia menerimaguna ketetapan baru ini dengan pengecualian bagi projek mendesak, projek yang berkeutamaan tinggi kepada Universiti dan ubahsuaian kecil yang tidak dapat dielakkan.

3.3.2 Sewaan Ruang Pejabat

Semua Pusat Tanggungjawab hendaklah mengoptimumkan penggunaan ruang pejabat sedia ada untuk mengurangkan sewaan premis bagi kegunaan pejabat. Semua cadangan untuk menyewa pejabat baharu / tambahan sewaan ruang pejabat tidak dibenarkan kecuali dengan kelulusan Perbendaharaan, yang dipohon melalui Universiti.

Universiti Sains Malaysia menerimaguna keseluruhan ketetapan baru ini.

3.4 PELANTIKAN PERUNDING

Pelantikan perunding (consultant) untuk projek-projek fizikal Kerajaan termasuk menjalankan kajian kemungkinan/kesesuaian (feasibility study) dan juga perunding-perunding pengurusan yang lain (management consultant) hendaklah dikemukakan terlebih dahulu kepada Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara (JPPN) untuk kelulusan, yang dipohon melalui Universiti.

Universiti Sains Malaysia menerimaguna keseluruhan ketetapan baru ini.

3.5. SEMINAR / BENGKEL / KURSUS / MESYUARAT / MAJLIS

3.5.1 Penggunaan Syarikat Pengurusan Acara (Event Management)

Semua Pusat Tanggungjawab hendaklah mengurangkan penggunaan syarikat pengurusan acara (event management) serta pemberian saguhati dan cenderamata semasa penganjuran persidangan/seminar/pameran/mesyuarat/kursus/bengkel/majlis rasmi Universiti dan sebagainya.

Universiti Sains Malaysia menerimaguna keseluruhan ketetapan baru ini.

3.5.2 Makanan dan Minuman

Semua Pusat Tanggungjawab hendaklah mengurangkan penyediaan makanan dan minuman semasa penganjuran persidangan/seminar/pameran/ mesyuarat/kursus/ bengkel/majlis rasmi Universiti dan sebagainya.

Universiti Sains Malaysia menerimaguna keseluruhan ketetapan baru ini.

3.5.3 Kain Pemandang (*bunting* dan *banner*)

Setiap Pusat Tanggungjawab hendaklah mengurangkan penggunaan kain pemandang (*bunting* dan *banner*) bagi penganjuran persidangan/seminar/pameran/mesyuarat/kursus/bengkel/majlis rasmi Universiti dan sebagainya.

Universiti Sains Malaysia menerimaguna keseluruhan ketetapan baru ini.

3.5.4. Kemudahan Menjalankan Aktiviti

Semua Pusat Tanggungjawab hendaklah mengaplikasikan pendekatan penjimatan dengan mengoptimumkan penggunaan kemudahan Universiti, Pusat Latihan 1Malaysia (1MTC) dan juga kemudahan di institusi latihan milik Kerajaan bagi penganjuran seminar/persidangan/pameran/kursus/bengkel dan sebagainya.

Berhubung perkara ini, pihak Universiti memutuskan:

- **Penggunaan kemudahan hotel hanya dibenarkan bagi penganjuran mesyuarat/persidangan/seminar/bengkel/aktiviti yang telah dirancang awal dan tidak dapat dielakkan dengan kelulusan Bendahari. Walaubagaimanapun, sebaik mungkin, semua penganjuran aktiviti hendaklah menggunakan kemudahan yang sedia ada di Universiti dan juga kemudahan di institusi milik Kerajaan.**

4.0 PEMAKAIAN

Pelaksanaan langkah-langkah penjimatan ini juga perlu dibaca bersekali dengan garis panduan perbelanjaan berhemat lain yang sedang berkuatkuasa (Panduan Penjimatan Kos USM Bil. 1/2013).


5.0 KUATKUASA

Pekeliling ini adalah berkuatkuasa serta merta.

Sekian, terima kasih.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Memastikan Kelestarian Hari Esok


(ROHAYATI MOHD ISA)
Pemangku Bendahari

16 Januari 2014